

17 JAN 2000

SINGAPURA-CLOB

SINGAPURA AMAT BERHARAP PENYELESAIAN DUA HALA ISU CLOB

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 17 Jan (Bernama) -- Singapura amat berharap dapat menyelesaikan kebuntuan isu saham CLOB dengan Malaysia secara dua hala dan ia mestilah diselesaikan berdasarkan kepada undang-undang, kata Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong, hari ini

Lee memberitahu Parlimen di sini bahawa Menteri Kewangan Dr Richard Hu telah menulis kepada rakan sejawatnya di Malaysia, Tun Daim Zainuddin, pada 13 Jan berhubung perkara itu selepas Singapore Exchange (SGX) tidak menerima sebarang maklum balas daripada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menjelang 7 Dis bagi cadangan pengeluaran secara berperingkat saham-saham tersebut.

"Surat Dr Hu itu memaklumkan pemahaman kerajaan Singapura bagi isu-isu perundangan yang terbabit dan mahu Tun Daim meminta BSKL memenuhi kewajipan undang-undangnya di bawah perjanjian CDP-SCANS. Dr Hu kini menunggu jawapan daripada Menteri Kewangan Malaysia," katanya.

Lee, yang juga pengerusi Lembaga Kewangan Singapura, sekali lagi menegaskan tawaran sektor swasta bagi saham-saham itu tidak akan dapat menyelesaikan isu tersebut ataupun membebaskan pihak-pihak berkaitan daripada tanggungjawab undang-undang mereka.

"Penyelesaian awal isu ini menjadi kepentingan utama bagi kedua-dua negara. SGX dan kerajaan Singapura terus berharap agar dapat menyelesaikan perkara ini secara dua hala dengan Malaysia, dan berusaha sedaya upaya untuk memastikan ia berjaya.

"Masih terlalu awal untuk membuat spekulasi berhubung langkah selanjutnya yang mungkin perlu dilaksanakan jika penyelesaian dua hala itu menemui kegagalan," kata Lee.

Beberapa Anggota Parliamen mendesak Lee sama ada kerajaan Singapura harus menetapkan tarikh akhir untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya perkara tersebut terus tidak dapat diselesaikan.

Dianggarkan RM17 bilion nilai saham Malaysia pada harga pasaran semasa yang pernah diniagakan di Central Limit Order Book (Clob), masih dibekukan apabila Singapura menghentikan dagangannya berikutan kawalan modal yang dikenakan oleh Malaysia pada September 1998.

Bursa saham kedua-dua negara diberikan tanggungjawab untuk mencari jalan penyelesaian. BSKL baru-baru ini mengumumkan tempoh lanjutan terakhir status penama Depositori Pusat Singapura (CDP) kepada 30 Jun bagi saham-saham yang tamat tempoh pada 31 Dis tahun lalu.

Satu salinan perjanjian antara CDP dengan Securities Clearing Automated Network Services Sdn Bhd (SCANS) Malaysia, sebuah anak syarikat BSKL, pada September 1998 mengenai perpindahan saham itu juga diedarkan kepada Anggota Parlimen buat pertama kalinya.

"Kegagalan BSKL untuk memindahkan saham itu sejajar dengan perjanjian ini mempunyai implikasi di bawah undang-undang WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia)," kata Lee.

Lee berkata kerajaan Singapura telah dimaklumkan oleh pakar undang-undang WTO bahawa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia terhadap CLOB adalah tidak sejajar dengan peruntukan negara yang paling diutamakan daripada Perjanjian AM WTO bagi Perdagangan dalam Perkhidmatan (GATS) kerana ia mendiskriminasikan CLOB berbanding bursa asing lain.

"Ia adalah isu nasional yang jika dibawa kepada WTO, perlu diselesaikan secara kerajaan-kepada-kerajaan," katanya.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata baru-baru ini bahawa Singapura mungkin membawa isu Clob tersebut kepada WTO jika ia tidak dapat diselesaikan secara dua hala.

Sementara itu Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan ia mahu menemui Goh untuk membincangkan mengenai isu terbabit.

-- BERNAMA

TCL ZK MA